
14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM

14.1 Modal Saham

- (a) Tidak ada saham biasa akan diperuntukkan atau dijual berdasarkan Prospektus ini lewat dari enam (6) bulan selepas tarikh pengeluaran Prospektus ini.
- (b) Tidak terdapat saham pengasas, pengurusan atau tertunda dalam Syarikat.
- (c) Hanya terdapat satu kelas saham dalam Syarikat, iaitu saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, yang kesemuanya bertaraf *pari passu* di antara satu sama lain.
- (d) Kecuali bagi 671,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang dirizabkan untuk para Pengarah dan kakitangan Kumpulan yang layak, selaras dengan Prospektus ini, pada masa ini tidak ada skim lain yang melibatkan kakitangan dalam modal Syarikat atau anak-anak syarikatnya.
- (e) Kecuali bagi 671,000 saham biasa bernilai RM1.00 yang dirizabkan untuk para Pengarah dan kakitangan Kumpulan yang layak, selaras dengan Prospektus ini, pada masa ini, tidak ada modal syarikat atau mana-mana daripada anak-anak syarikatnya berada di bawah mana-mana opsyen atau dipersetujui secara bersyarat atau tidak bersyarat untuk diletakkan di bawah mana-mana opsyen.
- (f) Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 8.2 dan 8.5 Prospektus ini, tidak ada saham, stok atau debentur dalam Syarikat atau anak-anak syarikat telah diterbitkan atau dicadang untuk diterbitkan sebagai berbayar sebahagian atau berbayar penuh atau sebagainya secara tunai dalam masa dua (2) tahun sebelum tarikh Prospektus ini.

14.2 Tataurusan Pertubuhan

Peruntukan-peruntukan berikut dikeluarkan semula daripada Tataurusan Pertubuhan Syarikat yang telah diluluskan oleh BSKL:

(i) Imbuan Pengarah

Peruntukan-peruntukan dalam Tataurusan Pertubuhan Syarikat berurusan dengan imbuan para Pengarah adalah seperti berikut:-

Artikel 82

- (a) Imbuan para Pengarah hendaklah dari masa ke masa ditentukan oleh Syarikat dalam Mesyuarat Agung. Imbuan tersebut akan dianggap sebagai terakru dari hari ke hari. Imbuan yang dibayar oleh Syarikat kepada pengarah silih ganti akan ditolak daripada Pengarah yang mencalonkannya. Para Pengarah juga boleh dibayar semua perbelanjaan perjalanan, hotel dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang ditanggung dengan sewajarnya oleh mereka dalam menghadiri dan pulang daripada mesyuarat-mesyuarat para Pengarah atau mana-mana jawatankuasa Pengarah atau Mesyuarat Agung Syarikat atau berhubung dengan perniagaan Syarikat.
- (b) Yuran yang perlu dibayar kepada para Pengarah bukan eksekutif hendaklah ditetapkan melalui satu jumlah tetap dan bukan melalui komisyen ke atas atau peratusan daripada keuntungan atau jumlah dagangan.

14. **MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (Samb)**

- (c) Gaji yang perlu dibayar kepada para Pengarah eksekutif tidak boleh termasuk komisyen ke atas atau peratusan daripada jumlah dagangan.

Artikel 83

Yuran yang perlu dibayar kepada para Pengarah tidak boleh ditambah melainkan selaras dengan resolusi yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung, di mana notis kenaikan yang dicadangkan telah diberi dalam notis mengadakan mesyuarat.

Artikel 84

Sekiranya mana-mana Pengarah yang bersedia dan setelah dipanggil untuk berbuat demikian oleh para Pengarah lain telah memberikan atau melaksanakan khidmat khas atau luar biasa atau untuk pergi atau menetap jauh daripada tempat perniagaan atau kediaman biasanya untuk apa-apa tujuan bagi pihak Syarikat, beliau adalah berhak untuk menerima jumlah tertentu sebagaimana para Pengarah mungkin fikirkan wajar untuk perbelanjaan dan juga imbuhan tertentu sebagaimana para Pengarah fikirkan wajar, sama ada sebagai jumlah tetap atau sebagai peratusan daripada keuntungan atau sebagainya tetapi bukan komisyen ke atas atau peratusan jumlah dagangan dan imbuhan tersebut boleh, sebagaimana para Pengarah akan tentukan, sama ada sebagai tambahan kepada atau menggantikan mana-mana imbuhan lain yang beliau mungkin berhak untuk terima, dan yang sama akan dicajkan sebagai sebahagian daripada perbelanjaan pekerjaan biasa Syarikat.

Artikel 115

Pengarah Urusan hendaklah, tertakluk kepada terma-terma mana-mana perjanjian yang ditandatangani dalam mana-mana keadaan tertentu, menerima imbuhan tertentu (sama ada melalui gaji, komisyen atau penyertaan dalam keuntungan, atau sebahagian dalam satu cara dan sebahagian dalam cara yang lain) sebagaimana para Pengarah mungkin tentukan.

(ii) Kuasa Mengundi dan Meminjam Para Pengarah

Peruntukan-peruntukan dalam Tataurusan Pertubuhan Syarikat dalam berurusan dengan kuasa-kuasa Pengarah dalam cadangan, pengaturan atau kontrak dalam mana mereka adalah berkepentingan dan kuasa-kuasa meminjam yang boleh dilaksanakan oleh mereka dan bagaimana kuasa-kuasa meminjam tersebut boleh dipinda adalah seperti berikut:

Artikel 87

Perniagaan Syarikat hendaklah diuruskan oleh para Pengarah yang boleh membayar semua perbelanjaan yang ditanggung dalam menganjur dan mendaftarkan Syarikat sebagaimana bukan, melalui Akta atau Tataurusan ini, diperlukan untuk dilaksanakan oleh Syarikat dalam Mesyuarat Agung, namun begitu tertakluk kepada mana-mana daripada Tataurusan ini, peruntukan-peruntukan dalam Akta dan kepada peraturan-peraturan tersebut, yang tidak selaras dengan Tataurusan atau peruntukan-peruntukan tersebut di atas, sebagaimana mungkin ditetapkan oleh Syarikat dalam Mesyuarat Agung, tetapi tidak ada peraturan yang dibuat oleh Syarikat dalam Mesyuarat Agung akan membatalkan mana-mana tindakan terdahulu para Pengarah yang akan menjadi sah sekiranya peraturan tersebut tidak dibuat.

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (*Sumb*)

Artikel 88

- (a) Para Pengarah boleh melaksanakan semua kuasa Syarikat untuk meminjam wang dan untuk menggadai janji atau menggadai mana-mana daripada usahaniaga Syarikat atau anak-anak syarikat, harta dan modal tidak dipanggil, atau mana-mana bahagian daripadanya, dan untuk menerbitkan debentur dan sekuriti-sekuriti lain sama ada secara langsung atau sebagai sekuriti bagi mana-mana hutang, liabiliti atau obligasi Syarikat atau pihak ketiga yang berkaitan sahaja.
- (b) Selaras dengan Seksyen 132C Akta Syarikat dan Seksyen 9.10 (14) Syarat-syarat Penyenaraian BSKL, para Pengarah tidak boleh membeli atau melupuskan usahaniaga atau harta bernilai besar atau melupuskan bahagian yang besar daripada usahaniaga atau harta Syarikat tanpa kelulusan Syarikat dalam Mesyuarat Agung.

Artikel 89

Para Pengarah boleh menubuhkan atau mengaturkan apa-apa skim pencen berucarum atau tidak berucarum atau skim persaraan bagi faedah, atau membayar gratuity, pencen atau emolumen kepada mana-mana orang yang adalah atau telah digaji oleh atau berkhidmat dengan syarikat atau mana-mana anak syarikat Syarikat, atau kepada mana-mana orang yang adalah atau telah menjadi Pengarah atau pegawai lain dan memegang atau telah memegang pekerjaan bergaji dalam Syarikat atau mana-mana anak Syarikat tersebut dan balu, keluarga atau tanggungan mana-mana orang tersebut. Para Pengarah juga boleh mencarum kepada mana-mana persatuan atau dana yang mereka anggap untuk faedah Syarikat atau mana-mana anak syarikat tertentu atau mana-mana orang tertentu seperti tersebut di atas, dan membuat bayaran bagi atau terhadap mana-mana hospital atau perbelanjaan biasiswa atau mana-mana insurans bagi mana-mana orang sedemikian. Dengan syarat bahawa mana-mana Pengarah yang memegang pekerjaan bergaji sedemikian akan berhak untuk menyimpan apa-apa faedah yang diterima oleh beliau di bawahnya tertakluk hanya, di mana Akta memerlukan, pendedahan yang sewajarnya kepada ahli dan kelulusan Syarikat dalam Mesyuarat Agung.

Artikel 92

Semua cek, nota janji hutang, draf, bil pertukaran dan lain-lain suratcara boleh niaga dan semua resit bagi wang yang telah dibayar kepada Syarikat hendaklah ditandatangani, dikeluarkan, diterima, diendors atau sebaliknya disempurnakan, mengikut mana yang berkenaan, dalam cara tertentu sebagaimana para Pengarah mungkin dari masa ke masa melalui resolusi tentukan.

Artikel 100

Setiap Pengarah hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan Seksyen 131 Akta Syarikat berhubung dengan pendedahan kepentingan dalam mana-mana kontrak atau kontrak dicadangkan dengan Syarikat dan berhubung dengan pendedahan fakta dan jenis, ciri-ciri dan setakat mana mana-mana jawatan atau milikan mana-mana harta di mana kewajipan dan kepentingan secara langsung atau tidak langsung mungkin dibentuk bertentangan dengan kewajipan dan kepentingannya sebagai Pengarah Syarikat.

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (*Samb*)

Artikel 101

Seorang Pengarah tidak boleh mengundi berhubung dengan mana-mana kontrak atau kontrak dicadangkan atau pengaturan dalam mana beliau secara langsung atau tidak langsung mempunyai kepentingan peribadi.

Artikel 102

Seorang Pengarah boleh memegang mana-mana jawatan lain atau tempat berganjaran di bawah Syarikat (selain jawatan juruaudit) selaras dengan jawatan beliau sebagai Pengarah bagi tempoh tertentu dan atas terma-terma tertentu (berhubung dengan imbuhan dan sebagainya) sebagaimana para Pengarah mungkin tentukan dan tidak ada Pengarah atau Pengarah dihasratkan akan menjadi tidak layak melalui jawatan beliau daripada berkontrak dengan Syarikat sama ada berhubung dengan tempoh jawatan beliau bagi mana-mana jawatan lain atau tempat berganjaran atau sebagai penjual, pembeli dan sebagainya, tidak juga mana-mana kontrak sedemikian, atau mana-mana kontrak atau pengaturan yang dimasuki oleh atau bagi pihak Syarikat dalam mana, mana-mana Pengarah adalah dalam apa-apa cara berkepentingan, menjadi berkebolehan untuk dibatalkan, tidak juga mana-mana Pengarah yang berkontrak atau menjadi berkepentingan bertanggungjawab untuk memberitahu kepada Syarikat bagi apa-apa keuntungan yang diperolehi melalui mana-mana kontrak atau pengaturan atas alasan Pengarah tertentu memegang jawatan tersebut atau hubungan fidusiar yang dengan diwujudkan.

Artikel 103

Seorang Pengarah boleh mengundi dan dikira dalam korum satu mesyuarat berhubung dengan:

- (a) apa-apa pengaturan untuk memberikan Pengarah itu sendiri atau mana-mana Pengarah lain apa-apa jaminan atau tanggungruhi berhubung dengan wang yang dipinjamkan oleh beliau kepada atau obligasi yang diambil oleh beliau bagi faedah Syarikat; atau
- (b) apa-apa pengaturan untuk diberi oleh Syarikat bagi mana-mana jaminan kepada pihak ketiga berhubung dengan hutang atau obligasi Syarikat untuk yang mana Pengarah itu sendiri atau mana-mana Pengarah lain telah bertanggungjawab secara keseluruhan atau sebahagian, di bawah jaminan atau tanggungji atau melalui deposit sekuriti.

Artikel 104

Seorang Pengarah tanpa mengambilkira kepentingan beliau boleh, dengan syarat tidak ada Pengarah lain yang tidak bersetuju, dikira dalam korum yang hadir pada mana-mana mesyuarat sedangkan beliau atau mana-mana Pengarah lain dilantik untuk memegang mana-mana jawatan atau tempat berganjaran di bawah Syarikat atau sedangkan para Pengarah memutuskan untuk melaksanakan mana-mana daripada hak-hak Syarikat, (sama ada pelaksanaan hak-hak mengundi atau sebagainya) untuk melantik atau bersetuju dalam pelantikan Pengarah untuk memegang mana-mana jawatan atau tempat berganjaran di bawah mana-mana syarikat lain atau sedangkan terma-terma mana-mana pelantikan sedemikian sebagaimana dinyatakan dalam Tataurusan ini selepas daripada ini dipertimbangkan atau di mana mana-mana keputusan diambil selaras dengan mana-mana kontrak atau pengaturan dalam mana beliau dalam apa-apa cara berkepentingan dengan syarat sentiasa bahawa beliau mematuhi Sekseyen 131 Akta Syarikat.

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (*Samb*)

Artikel 105

Mana-mana Pengarah boleh bertindak secara sendiri atau melalui firmannya dalam keupayaan profesional untuk Syarikat, dan beliau atau firma beliau akan berhak kepada imbuhan untuk khidmat profesional seolah-olah beliau bukan merupakan Pengarah, dengan syarat bahawa tidak ada apa di dalam Prospektus ini akan membenarkan seorang pengarah atau firma beliau untuk bertindak sebagai juruaudit Syarikat.

(iii) **Perubahan-perubahan dalam Modal Dan Variasi Hak-hak Kelas**

Peruntukan-peruntukan dalam Tataurusan Pertubuhan Syarikat berhubung dengan perubahan dalam modal dan variasi hak kelas yang tidak kurang ketatnya daripada yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat, 1965 adalah seperti berikut:

Artikel 4

- (a) Tanpa menjejaskan kepada mana-mana hak khas yang terdahulunya diberikan kepada mana-mana pemegang saham sedia ada atau kelas-kelas saham, tetapi tertakluk kepada Akta dan kepada Tataurusan ini, saham-saham dalam Syarikat boleh diterbitkan oleh para Pengarah dan mana-mana saham sedemikian boleh diterbitkan dengan dengan hak-hak keutamaan, tertunda atau hak-hak khas yang lain atau sekatan-sekatan tertentu, sama ada berhubung dengan dividen, pengundiaan, pulangan modal atau sebagainya sebagaimana para Pengarah, tertakluk kepada mana-mana resolusi biasa Syarikat, tentukan. Tidak ada saham boleh diterbitkan pada diskaun melainkan dalam memenuhi peruntukan-peruntukan Akta.

Dengan syarat bahawa:-

- (i) Syarikat tidak boleh menerbitkan mana-mana saham yang akan mempunyai kesan memberikan kepentingan mengawal kepada mana-mana orang, syarikat atau sindiket tanpa kebenaran terdahulu pemegang-pemegang saham dalam Mesyuarat Agung.
- (ii) Setiap terbitan saham atau opsyen kepada kakitangan dan/atau Pengarah hendaklah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat agung dan kelulusan tersebut hendaklah secara khusus memperincikan jumlah saham-saham atau opsyen yang akan diterbitkan kepada setiap pengarah. Hanya para Pengarah yang memegang jawatan dalam keupayaan eksekutif boleh menyertai dalam terbitan saham tersebut. Walau bagaimanapun, Pengarah bukan eksekutif boleh melanggan bagi saham-saham yang diterbitkan atau ditawarkan selaras dengan terbitan awam sebagai tawaran awam.
- (iii) Jumlah nilai nominal saham-saham keutamaan yang diterbitkan tidak boleh melebihi jumlah nilai nominal saham-saham biasa yang diterbitkan pada bila-bila masa.
- (iv) Hak-hak yang ada pada saham-saham kelas selain saham-saham biasa dinyatakan dalam Resolusi membentuk yang sama.

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (Samb)

- (v) Hak-hak yang diberikan kepada pemegang-pemegang saham mana-mana kelas yang diterbitkan dengan hak-hak keutamaan atau hak-hak lain tidak boleh melainkan dinyatakan sebaliknya secara nyata oleh terma-terma terbitan saham kelas tersebut, dianggap sebagai telah dipindah melalui pembentukan atau terbitan saham-saham selanjutnya yang bertaraf pari passu dengannya tetapi tidak dalam apa-apa keadaan dalam keutamaan berhubung dengannya.
- (vi) Pemegang-pemegang saham keutamaan hendaklah mempunyai hak yang sama seperti pemegang-pemegang saham biasa berhubung dengan penerimaan notis, laporan dan kunci kira-kira, dan menghadiri Mesyuarat Agung Syarikat. Pemegang-pemegang saham keutamaan juga akan mempunyai hak yang sama untuk mengundi pada mana-mana mesyuarat yang diadakan untuk tujuan mengurangkan modal, atau menggulung Syarikat, atau mensanksi jualan usahaniaga, atau di mana cadangan akan dikemukakan kepada mesyuarat secara langsung melibatkan hak-hak dan keistimewaan mereka, atau bila dividen ke atas saham-saham keutamaan adalah tertunggak selama lebih enam (6) bulan.

Artikel 5

Pembayaran balik modal keutamaan selain keutamaan boleh tebus, atau mana-mana perubahan lain hak-hak pemegang saham keutamaan, hanya boleh dibuat selaras dengan resolusi khas pemegang-pemegang saham keutamaan yang berkenaan, dengan syarat sentiasa bahawa di mana majoriti yang diperlukan bagi resolusi khas tersebut tidak diperolehi dalam mesyuarat, kebenaran bertulis, sekiranya diperolehi daripada pemegang-pemegang tiga perempat daripada pemegang-pemegang saham keutamaan berkenaan dalam masa dua bulan mesyuarat tersebut, akan menjadi sah dan berkesan seperti satu resolusi khas yang dibawa dalam mesyuarat.

Artikel 6

Sekiranya pada bila-bila masa modal saham dibahagikan kepada kelas-kelas saham yang berbeza, hak-hak yang ada pada mana-mana kelas (melainkan diperuntukkan sebaliknya oleh terma-terma terbitan saham kelas tersebut) boleh, sama ada atau tidak Syarikat sedang digulung, dipinda dengan kebenaran bertulis pemegang-pemegang tiga perempat daripada saham-saham diterbitkan daripada kelas tersebut, atau dengan sanksi resolusi khas yang diluluskan pada Mesyuarat Agung yang berasingan pemegang-pemegang saham kelas berkenaan. Kepada setiap Mesyuarat Agung berasingan sedemikian peruntukan-peruntukan Tataurusian ini berkaitan dengan Mesyuarat-mesyuarat Agung hendaklah mutatis mutandis, dipakai, tetapi agar korum yang diperlukan hendaklah dua orang sekurang-kurangnya memegang atau mewakili melalui proksi satu pertiga daripada saham-saham kelas yang diterbitkan dan bahawa mana-mana pemegang-pemegang saham kelas yang hadir secara sendiri atau melalui proksi boleh menuntut satu pengundian secara pol. Kepada setiap resolusi khas sedemikian peruntukan-peruntukan Seksyen 152 Akta hendaklah, dengan pengubahsuaian tertentu sebagaimana diperlukan, dipakai.

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (*Samb*)

Artikel 45

Syarikat boleh dari masa ke masa, sama ada kesemua saham yang buat masa ini dibenarkan telah diterbitkan atau semua saham bagi masa yang diterbitkan telah dipanggil sepenuhnya atau tidak, melalui Resolusi Biasa menambah modal sahamnya melalui pembentukan dan terbitan saham-saham baru, modal baru tersebut dalam jumlah tertentu dan akan dibahagikan menjadi saham-saham berjumlah tertentu dan untuk membawa hak-hak tertentu atau untuk menjadi tertakluk kepada syarat-syarat atau sekatan-sekatan tertentu berhubung dengan dividen, pulangan modal atau sebagainya sebagaimana Syarikat melalui resolusi membenarkan penambahan tersebut arahkan.

Artikel 46

- (a) Tertakluk kepada mana-mana arahan yang bertentangan yang mungkin diberi oleh Syarikat dalam Mesyuarat Agung, mana-mana saham asal yang pada masa ini tidak diterbitkan dan tidak diperuntukkan dan mana-mana saham baru yang dari masa ke masa akan dibentuk hendaklah sebelum ia diterbitkan ditawarkan kepada orang-orang tertentu yang pada tarikh tawaran adalah berhak untuk menerima notis-notis daripada Mesyuarat Agung Syarikat dalam perkadaran, sehampir mana yang dibenarkan oleh keadaan, kepada jumlah saham-saham sedia ada kepada mana mereka adalah berhak. Tawaran hendaklah dibuat melalui notis menyatakan bilangan saham yang ditawarkan, dan menghadkan masa dalam mana tawaran, sekiranya tidak diterima, akan dianggap sebagai ditolak, dan selepas tamat masa berkenaan, atau atas penerimaan tanda daripada orang kepada siapa tawaran itu dibuat bahawa beliau menolak untuk menerima saham-saham yang ditawarkan, para Pengarah boleh melupuskan mana-mana saham baru dalam cara tertentu sebagaimana mereka fikirkan paling menguntungkan kepada Syarikat. Para Pengarah boleh juga melupuskan mana-mana saham baru yang (atas alasan nisbah yang ada pada saham-saham baru berkenaan terhadap saham-saham yang dipegang oleh orang yang berhak kepada tawaran saham-saham baru) tidak boleh, pada pendapat para Pengarah, ditawarkan dengan sewenang-wenangnya di bawah Artikel ini.
- (b) Tanpa mengambil kira Artikel 46(a) di atas tetapi tertakluk sentiasa kepada Akta, Syarikat boleh memohon kepada Bursa Saham bagi penepian daripada mengadakan Mesyuarat Agung Luarbiasa untuk mendapat kelulusan pemegang-pemegang saham bagi terbitan saham selanjutnya (selain terbitan bonus atau hak) agregat terbitan yang mana dalam mana-mana satu tahun kewangan tidak melebihi 10% daripada modal diterbitkan.

Artikel 47

Kecuali sebagaimana diperuntukkan sebaliknya oleh syarat-syarat terbitan, mana-mana modal yang dihasilkan melalui pembentukan saham-saham baru akan dianggap sebagai sebahagian daripada modal saham asal Syarikat, dan akan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang sama dengan rujukan kepada bayaran panggilan, lien, pemindahan, pengaliran, perlucutan hak dan sebagainya seperti modal saham asal.

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (*Samb*)

Artikel 48

Syarikat boleh dari masa ke masa melalui resolusi biasa:-

- (a) menambah modal saham dengan jumlah tertentu yang akan dibahagikan menjadi saham-saham berjumlah tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan oleh resolusi;
- (b) menyatu dan membahagi kesemua atau mana-mana daripada modal sahamnya kepada saham-saham berjumlah lebih besar daripada saham-saham sedia adanya;
- (c) memecahbahagi saham-sahamnya atau mana-mana daripadanya menjadi saham-saham berjumlah lebih kecil daripada yang ditetapkan oleh memorandum; agar walau bagaimanapun bahawa dalam pecah bahagi tersebut perkadaran di antara jumlah dibayar dan (sekiranya ada) jumlah tidak dibayar ke atas setiap saham yang dikurangkan akan menjadi sama seperti dalam kes saham daripada mana saham yang dikurangkan itu diperoleh;
- (d) membatalkan saham-saham yang pada tarikh kelulusan resolusi dalam bahagian tersebut belum lagi diambil atau bersetuju untuk diambil oleh mana-mana orang atau yang telah dihapus hak dan dikurangkan jumlah modal sahamnya melalui jumlah saham-saham yang dibatalkan.

Artikel 50

Syarikat boleh melalui resolusi khas mengurangkan modal sahamnya, mana-mana dana modal penebusan modal atau mana-mana akaun premium saham dalam apa-apa cara dengan, dan tertakluk kepada, mana-mana keadaan dibenarkan, dan kebenaran yang diperlukan oleh undang-undang.

(iv) Pemindahan Sekuriti dan Pengaliran Sekuriti

Peruntukan-peruntukan dalam Tataurusuan Pertubuhan Syarikat, berhubung dengan pengaturan bagi pemindahan sekuriti dan sekatan-sekatan ke atas kebebasan kebolehan pindahannya adalah seperti berikut:

Artikel 22

Pemindahan mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti Syarikat, hendaklah melalui cara kemasukan buku oleh MCD selaras dengan Peraturan-peraturan MCD dan, tanpa mengambil kira Seksyen 103 dan 104 Akta Syarikat, 1965, tetapi tertakluk kepada subseksyen 107C(2) Akta Syarikat, 1965 dan apa-apa pengecualian yang mungkin dibuat daripada mendaftarkan dan menguatkuasakan apa-apa pemindahan sekuriti mengikut Seksyen 107C(1) Akta Syarikat 1965, Syarikat hendaklah dihalang daripada mendaftarkan dan menguatkuasakan apa-apa pemindahan sekuriti.

Artikel 23

Pemindahan sekuriti daripada Daftar Asing:

- 1. Dimana-
- (a) Sekuriti Syarikat disenaraikan di Tempat Pasaran Diluluskan: dan

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (Samb)

- (b) Syarikat sedemikian dikecualikan daripada mematuhi Seksyen 14 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) atau seksyen 29 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan), 1998, mengikut keadaan, dibawah Peraturan-peraturan MCD berhubung dengan sekuriti sedemikian,

Syarikat sedemikian hendaklah, atas permintaan pemegang sekuriti, membenarkan pemindahan sekuriti dipegang oleh pemegang sekuriti daripada Daftar Asing kepada daftar pemegang-pemegang yang disenggarakan oleh pendaftar Syarikat di Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai "Daftar Malaysia") tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- (i) tidak akan ada perubahan dalam pemilikan sekuriti tersebut; dan
- (ii) penukaran hendaklah disempurnakan dengan menyebabkan sekuriti sedemikian dikreditkan secara langsung ke dalam akaun pemegang sekuriti.
- (2) Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya syarat-syarat perenggan (a) dan (b) Artikel 23 (1) dipenuhi, Syarikat tidak boleh membenarkan apa-apa pemindahan sekuriti-sekuriti daripada Daftar Malaysia ke dalam Daftar Asing.

Artikel 24

Buku pemindahan dan daftar ahli dan pemegang debentur dan pemegang stok (sekiranya ada) boleh ditutup pada masa tertentu sebagaimana para Pengarah fikirkan wajar tidak melebihi keseluruhan tiga puluh hari dalam setiap tahun. Apa-apa notis hasrat untuk menetapkan tarikh penutupan buku dan alasannya hendaklah disiarkan dalam akhbar harian yang diedarkan di Malaysia dan hendaklah juga diberi kepada Bursa Saham: notis tersebut hendaklah menyatakan tarikh penutupan buku, yang mana hendaklah sekurang-kurangnya lapan belas (18) hari pasaran selepas tarikh pemberitahuan kepada Bursa Saham, dan alamat pejabat pendaftaran saham pada mana dokumen-dokumen akan diterima untuk pendaftaran. Sekurang-kurangnya notis tiga (3) hari pasaran terdahulu hendaklah diberi kepada Depositori Pusat untuk menyediakan Rekod Pendeposit yang sewajarnya dengan syarat bahawa di mana Rekod Pendeposit diperlukan berhubung dengan tindakan-tindakan korporat notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari pasaran terdahulu hendaklah diberikan kepada Depositori Pusat.

Artikel 25

Hendaklah dibayar kepada Syarikat berhubung dengan pendaftaran mana-mana Probet, Surat Mentadbir, Sijil Perkahwinan atau Kematian, Surat Kuasa Wakil atau dokumen-dokumen lain berhubung dengan tau melibatkan hakmilik kepada mana-mana saham, yuran tertentu, tidak melebihi tiga Ringgit (RM3.00) atau jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditetapkan dari masa ke masa oleh Bursa Saham sebagaimana para pengarah mungkin dari masa ke masa tetapkan.

Artikel 26

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Tataurusannya ini para pengarah boleh mengiktiraf pembatalan mana-mana saham oleh penerima untukan dalam memihak seorang yang lain.

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (Samb)

Artikel 27

Dalam hal kematian ahli, pewaris atau pewaris-pewaris di mana si mati adalah pemegang bersama, wakil peribadi sah simati di mana beliau adalah pemegang tunggal, adalah satu-satunya orang yang diiktiraf oleh Syarikat sebagai mempunyai hak kepada kepentingan beliau dalam saham; tetapi tiada apa-apa yang terkandung dalam Tataurusan ini akan melepaskan estet si mati pemegang bersama daripada apa-apa liabiliti berhubung dengan mana-mana saham yang telah dipegang secara bersama oleh beliau dengan orang lain.

Artikel 28

Mana-mana orang yang menjadi berhak kepada saham akibat daripada kematian, kebangkrapan, ketidaksolvenan atau ketidakwarasan ahli (dalam Tataurusan ini dirujuk sebagai orang yang berhak kepada pemindahan) boleh selepas mengemukakan kepada Syarikat bukti tertentu sebagaimana mungkin secara munasabah diperlukan oleh para Pengarah untuk membuktikan hakmilik beliau sebagai berhak untuk didaftarkan sebagai ahli berhubung dengan saham-saham atau sebaliknya atau selepas didaftarkan membuat pemindahan tertentu sebagaimana si mati, orang yang bankrap atau tidak solven mungkin lakukan tetapi para Pengarah hendaklah dalam, apa-apa keadaan mempunyai hak yang sama untuk menolak atau menggantung pendaftaran sebagaimana mereka mungkin punyai dalam keadaan pemindahan saham oleh ahli sebelum kematian atau kebangkrapan mengikut mana-mana yang berkenaan. Artikel ini selepas daripada ini dirujuk sebagai artikel pemindahan. Dengan syarat sentiasa bahawa di mana saham adalah sekuriti dideposit, tertakluk kepada Peraturan-peraturan, pemindahan atau penarikan balik boleh dilaksanakan oleh orang yang menjadi berhak.

Artikel 29

Sekiranya orang yang menjadi berhak memilih untuk mendaftarkan dirinya sendiri, beliau hendaklah menghantar atau memberikan kepada Syarikat, satu notis bertulis yang ditandatangani oleh beliau menyatakan bahawa beliau memilih sedemikian, dengan syarat bahawa di mana saham adalah sekuriti didepositkan dan orang yang menjadi berhak memilih agar saham-saham dipindahkan kepada beliau notis tersebut di atas hendaklah disampaikan kepada MCD. Sekiranya beliau memilih untuk orang lain didaftarkan beliau hendaklah mengasahkan pemilihan beliau dengan menyempurnakan kepada orang tersebut pemindahan saham tersebut. Semua had, sekatan dan peruntukan Tataurusan ini berhubung dengan hak-hak kepada pemindahan dan pendaftaran pemindahan saham-saham akan terpakai kepada mana-mana notis pemindahan tersebut seperti tersebut di atas seolah-olah kematian atau kebangkrapan ahli tidak berlaku dan notis pemindahan adalah yang ditandatangani oleh ahli tersebut.

Artikel 30

Di mana pemegang berdaftar mana-mana saham meninggal dunia atau menjadi bankrap wakil diri beliau atau penerima serahan hak harta pusaka beliau, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, atas pengemukakan bukti tertentu sebagaimana mungkin dari masa ke semasa diperlukan dengan sewajarnya oleh para Pengarah untuk tujuan tersebut, berhak kepada dividen yang sama dan kelebihan-kelebihan yang lain dan kepada hak-hak yang sama (sama ada berhubung dengan mesyuarat-mesyuarat Syarikat atau pengundian atau sebagainya) sebagaimana pemegang berdaftar mungkin akan berhak sekiranya beliau tidak meninggal dunia atau menjadi bankrap.

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (*Samb*)

Akta Syarikat, 1965:

Peruntukan-peruntukan dalam Akata Syarikat mengenai kebolehan pemindahan sekuriti-sekuriti adalah seperti berikut:-

Seksyen 103 (1)

Tanpa mengambil kira apa-apa dalam tatauuran pertubuhan, syarikat tidak boleh mendaftar pemindaan saham atau debentur melainkan suratcara pemindaan yang sewajarnya dalam borang ditetapkan telah dihantar kepada syarikat, tetapi subseksyen ini tidak akan menjejaskan apa-apa kuasa untuk mendaftar sebagai pemegang saham atau pemegang debentur mana-mana orang kepada siapa hak kepada mana-mana saham dalam atau debentur-debentur syarikat telah dipindahkan melalui operasi undang-undang.

Seksyen 103 (1A)

Tidak apa dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai melibatkan keesahan mana-mana suratcara yang akan berkesan untul memindah saham atau debentur selain daripada seksyen ini; dan mana-mana suratcara yang dimaksudkan untuk dibuat dalam mana-mana borang yang rasmi atau biasa digunakan, atau dalam mana-mana borang lain yang dibenarkan atau dikehendaki untuk selain daripada seksyen ini sebelum penguatkuasaan Akta ini, hendaklah mencukupi, sama ada atau tidak ia disempurnakan seleras dengan borang yang ditetapkan, sekiranya ia mematuhi syarat-syarat kepada pelaksanaan dan kandungan yang terpakai kepada pemindahan.

Dengan syarat bahawa syarikat tidak boleh mendaftar pemindahan saham atau debentur, hakmilik yang dibuktikan melalui siji yang dikeluarkan pada atau selepas tarikh berkuatkuasanya subseksyen ini melainkan suratcara pemindahan sewajarnya dalam borang ditetapkan telah diserahkan kepada Syarikat.

Seksyen 107C (1)

Pada atau selepas beroperasinya seksyen ini, pemindahan mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti yang sama atau kelas sekuriti yang mana telah didepositkan dengan depositori Pusat hendaklah melalui cara kemasukan buku oleh depositori Pusat seleras dengan peraturan-peraturan depositori Pusat dan, tanpa mengambil kira seksyen 103 dan 104, syarikat tersebut hendaklah dikecualikan daripada mendaftarkan dan menguatkuasakan apa-apa pemindahan sekuriti.

Seksyen 107 C (2)

Subseksyen (1) tidak terpakai kepada pemindahan sekuriti kepada depositori Pusat atau syarikat nomininya.

Peraturan MCD

Peruntukan-peruntukan Akta Syarikat mengenai kebolehan pemindahan sekuriti-sekuriti adalah seperti berikut:-

Peraturan 8.01 (2)

Deposituri Pusat boleh, dalam budibicara mutiak, menolak permintaan yang dibuat oleh pendeposit di bawahnya, dimana alasan bagi pemindahan tersebut tidak termasuk dibawah mana-mana alasan-alasan dibenarkan di bawah Peraturan 8.03 (1)(c).

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (Samb)

Peraturan 8.05A

Pemindahan-pemindahan yang dibuat oleh ejen depository bertauliah daripada akaun ejen prinsipal atau nomini hendaklah tertakluk kepada Peraturan-peraturan dalam Bab ini-

Peraturan 9.03 (2)

Adalah menjadi tanggungjawab ejen depository bertauliah, dalam memproses pemindahan di antara dua akaun sekuriti milik pendeposit yang berbeza (selepas ini dirujuk sebagai "pemindahan antara akaun"), untuk memeriksa dan memastikan kesempurnaan, ketepatan dan/atau ketulian dokumen yang diserahkan seperti berikut:-

- (a) Borang FTF010 yang ditetapkan (borang permintaan bagi pemindahan biasa sekuriti) atau Borang FTF015 (borang permintaan untuk pemindahan ekspres sekuriti) dilengkapi sepenuhnya dan sewajarnya dalam tiga salinan;
- (b) Pendeposit Memindah telah menandatangani bahagian Pemindah borang tersebut yang disaksikan dengan sewajarnya oleh seorang lain (selain isteri/suami Pendeposit);
- (c) Pendeposit Memindah telah menyatakan alasan beliau untuk pemindahan dan bahawa alasan bagi pemindahan tersebut adalah atau di antara mana-mana alasan yang dibenarkan sebagaimana dinyatakan di bawah ini:-
 - (i) pengaliran dan pemindahan sekuriti yang timbul daripada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis atau perintah mahkamah dalam bidangkuasa yang kompeten;
 - (ii) pembetulan kesilapan;
 - (iii) sandaran, gadaian atau gadai janji;
 - (iv) tawaran mandatori selaras dengan peruntukan-peruntukan Kod mengenai Pengambilan dan Percantuman Malaysia 1987;
 - (v) mana-mana keadaan lain yang dianggap wajar oleh Depositori Pusat selepas berunding dengan Suruhanjaya Sekuriti;
- (d) dokumen untuk menyokong alasan bagi pemindahan;
- (e) dokumen mengiringi lain yang diproses dengan sewajarnya dalam cara tertentu sebagaimana Depositori Pusat mungkin dari masa ke masa tentukan dalam Manual Prosedurnya.

Syarat-syarat Penyenaraian Papan Kedua BSKL

Peruntukan-peruntukan Syarat-syarat Penyenaraian Papan Kedua BSKL mengenai kebolehan pemindahan sekuriti-sekuriti adalah seperti berikut:-

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (Samb)

Fasal 9.5A-Pemindahan

Pemindahan mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti syarikat, hendaklah melalui cara kemasukan buku oleh MCD selaras dengan Peraturan-peraturan MCD dan, tanpa mengambil kira Seksyen 103 dan 104 Akta Syarikat, 1965, tetapi tertakluk kepada subseksyen 107C(2) Akta Syarikat, 1965 dan apa-apa pengecualian yang mungkin dibuat daripada mendaftarkan dan menguatkuasakan apa-apa pemindahan sekuriti mengikut Seksyen 107C(1) Akta Syarikat, 1965.

Fasal 9.5B-Pemindahan sekuriti daripada Daftar

1. Dimana:

- (a) Sekuriti Syarikat disenaraikan di Tempat Pasaran Diluluskan; dan
- (b) Syarikat sedemikian dikecualikan daripada mematuhi Seksyen 14 Akta MCD, 1991 atau Seksyen 29 Akta Industri (Depositori Pusat) (Pindaan), 1998, mengikut keadaan, di bawah Peraturan-peraturan Depositori Pusat berhubung dengan sekuriti sedemikian,

Syarikat sedemikian hendaklah, atas permintaan pemegang sekuriti, membenarkan pemindahan sekuriti dipegang oleh pemegang sekuriti daripada Daftar Asing kepada daftar pemegang-pemegang yang disenggarakan oleh pendaftar Syarikat di Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai "Daftar Malaysia") tertakluk kepada syarikat-syarikat berikut:-

- (i) tidak akan ada perubahan dalam pemilikan sekuriti tersebut; dan
- (ii) penukaran hendaklah diempurnakan dengan menyebabkan sekuriti sedemikian dikreditkan secara langsung ke dalam akaun pemegang sekuriti tersebut.

2. Untuk mengelakkan keraguan, tiada Syarikat yang mematuhi syarat-syarat perenggan (a) dan (b) Fasal 9.5B (1) akan membenarkan apa-apa pemindahan sekuriti daripada Daftar Malaysia ke dalam Daftar Asing.

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (*Samb*)

14.3 Para Pengarah dan Pemegang-pemegang Saham Utama

- (a) Nama, alamat dan pekerjaan para Pengarah Syarikat dinyatakan dalam Seksyen 5 Prospektus ini.
- (b) Pengarah-pengarah tidak diperlukan untuk memegang apa-apa saham kelayakan dalam Syarikat.
- (c) Tidak ada Pengarah sedia ada Syarikat yang mempunyai apa-apa kontrak perkhidmatan sedia ada atau dicadangkan dengan Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya.
- (d) Bagi tahun kewangan berakhir 30 April 1999, imbuhan dan yuran yang dibayar kepada para Pengarah untuk khidmat-khidmat kepada Syarikat dan anak-anak syarikatnya adalah RM651,000. Bagi tahun kewangan akan berakhir 30 April 2000, jumlah perlu dibayar kepada para Pengarah bagi khidmat-khidmat dalam semua keupayaan kepada Syarikat dan anak-anak syarikatnya adalah dianggarkan sebanyak RM680,000.
- (e) Tidak ada Pengarah, pegawai eksekutif kanan atau orang yang dicalonkan untuk menjadi Pengarah atau pegawai eksekutif kanan adalah atau telah terlibat dalam peristiwa-peristiwa berikut:
 - (i) petisyen di bawah mana-mana undang-undang kebangkrapan yang difailkan terhadap orang sedemikian atau mana-mana perkongsian dalam mana beliau merupakan rakan kongsi atau mana-mana perbadanan yang beliau adalah seorang Pengarah atau pegawai eksekutif kanan;
 - (ii) sabitan dalam prosiding jenayah atau subjek yang dinamakan dalam prosiding jenayah yang belum diputuskan; atau
 - (iii) subjek mana-mana perintah, penghakiman atau keputusan mana-mana mahkamah yang mempunyai bidangkuasa kompeten, tribunal atau badan kerajaan yang melarang beliau secara kekal atau sementara daripada bertindak sebagai penasihat pelaburan, peniaga sekuriti, pengarah atau kakitangan institusi kewangan dan terlibat dalam mana-mana jenis amalan atau kegiatan perniagaan
- (f) Tidak ada para Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat telah atau adalah berkepentingan secara langsung atau tidak langsung, dalam penganjuran atau dalam mana-mana aset yang dibeli atau bercadang untuk dibeli atau dilupuskan atau bercadang untuk dilupuskan oleh atau dipajak atau dicadang untuk dipajak kepada Syarikat dan anak-anak syarikatnya dalam masa dua (2) tahun sebelum Prospektus ini atau dalam mana-mana kontrak atau pengaturan yang wujud pada tarikh Prospektus ini atau dalam mana-mana kontrak atau pengaturan yang wujud pada tarikh Prospektus ini yang penting berhubung dengan perniagaan Kumpulan. Pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham utama berikut dianggap berkepentingan dalam Pengambilalihan:

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (Samb)

Pengarah/Pemegang Saham	Jenis Kepentingan
Kan Yow Kheong	Pemegang saham utama TAL, Inagro, KLC dan QSP. Pengarah TAL, Inagro, KLC, QSP, Masmeru dan ER.
Mohammad Nadzri bin Jamaluddin	Pemegang saham utama KLC dan RCSB. Pengarah RCSB.
Lim Yoke Soo	Pemegang saham utama TAL dan RCSB. Pengarah TAL, KLC, RCSB, Masmeru dan ER.
Tan Cheah Boo	Pemegang saham utama TAL, Pengarah TAL dan KLC.
Wong Chew Har	Pemegang saham utama TAL dan RCSB. Pengarah TAL, KLC, QSP dan ER
Wang Ten Aun @ Heng Aik Peng	Pemegang saham utama Inagro. Pengarah Inagro.
Wong Maw Chuan	Pengarah Inagro dan QSP.
Yong Chee Hou	Pemegang saham utama Inagro. Pengarah Inagro.

- (g) Menurut Daftar Pemegangan Saham Pengarah, pemegangan saham para Pengarah-pengarah dalam Syarikat sebelum dan selepas Terbitan Hak dan Terbitan Awam adalah seperti berikut:

Nama	←-----Sebelum-----→				←-----Selepas-----→			
	Langsung		Tak Langsung		Langsung		Tak Langsung	
	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%
Kan Yow Kheong	6,132,205	54.02	-	-	16,749,500	41.87	-	-
Mohammad Nadzri Bin Jamaluddin	2,945,034	25.94	-	-	12,000,000	30.00	-	-
Lim Yoke Soo	326,185	2.87	-	-	326,185	0.82	-	-
Tan Cheah Boo	12,833	0.11	-	-	38,183	0.09	-	-
Heng Aik Peng @ Wang Ten Aun	-	-	-	-	-	-	-	-
Wong Chew Har	555,230	4.89	-	-	555,230	4.89	-	-
Wong Maw Chuan	-	-	-	-	-	-	-	-
Yong Chee Hou	-	-	-	-	-	-	-	-
Ali Riza bin Abdul Samad	-	-	-	-	-	-	-	-
Kamilah bte Kasim	-	-	-	-	-	-	-	-

- (g) Berdasarkan Daftar Pemegang-pemegang Saham Utama (dengan 2% atau lebih pemegangan saham, langsung atau tidak langsung) Syarikat sebelum dan selepas Terbitan Hak dan Terbitan Awam adalah seperti berikut:

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (Samb)

Nama	←-----Sebelum----->				←-----Selepas----->			
	Langsung		Tak Langsung		Langsung		Tak Langsung	
	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%
Kan Yow Kheong	6,132,205	54.02	-	-	16,749,500	41.87	-	-
Mohammad Nadzri Bin Jamaluddin	2,945,034	25.94	-	-	12,000,000	30.00	-	-
Lim Yoke Soo	326,185	2.87	-	-	326,185	0.82	-	-
Wong Chew Har	555,230	4.89	-	-	555,230	4.89	-	-

- (i) Tidak ada para Pengarah atau pemegang saham utama Analabs dan anak-anak syarikatnya yang mempunyai apa-apa kepentingan material dalam mana-mana kontrak atau pengaturan yang penting berhubung dengan perniagaan Kumpulan dan wujud pada tarikh Prospektus ini.
- (j) Tidak ada Pengarah atau pemegang saham utama yang berkepentingan, secara langsung atau tidak langsung, dalam mana-mana perniagaan yang menjalankan perniagaan yang serupa seperti Syarikat dan anak-anak syarikatnya dan yang tidak disebut harga pada bursa saham yang diiktiraf.
- (k) Tidak ada opsyen untuk melanggan bagi sekuriti-sekuriti Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya yang telah diberikan atau dilaksanakan oleh mana-mana Pengarah dalam tahun kewangan yang lepas.
- (l) Tidak ada Pengarah atau pemegang saham utama Syarikat mempunyai apa-apa kepentingan, langsung atau tidak langsung, dalam mana-mana perniagaan yang menjalankan perdagangan yang serupa dengan syarikat atau, anak-anak syarikatnya dan yang tidak disebut harga pada bursa saham yang diiktiraf.

14.4 Maklumat Am

- (a) Jenis perniagaan Kumpulan dinyatakan dalam Seksyen 8 Prospektus ini. Nama semua syarikat yang dianggap sebagai berkaitan dengan Syarikat selaras dengan Seksyen 6 Akta Syarikat, 1965 dan kegiatan mereka masing-masing dinyatakan di bawah Seksyen 8.5 Prospektus ini.
- (b) Masa pembukaan Senarai Permohonan dinyatakan dalam Seksyen 13.1 Prospektus ini.
- (c) Jumlah perlu dibayar penuh semasa permohonan bagi Terbitan Awam ialah RM1.70 setiap saham biasa.
- (d) Pada tarikh Prospektus ini, Syarikat dan anak-anak syarikatnya tidak mempunyai apa-apa sekuriti hutang boleh tukar.
- (e) Cara dalam mana salinan-salinan Prospektus ini bersama dengan Borang Permohonan dan sampul surat boleh diperoleh dinyatakan dalam Seksyen 13.2 Prospektus ini.
- (f) Nama dan alamat Juruaudit dan Akauntan Melapor Syarikat dinyatakan dalam Seksyen 5 Prospektus ini.

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (Samb)

- (g) (i) Komisyen taja jamin perlu dibayar oleh Syarikat kepada Pengurus Taja Jamin dan penaja Jamin pada kadar 1.50% daripada harga Terbitan Awam RM1.70 setiap saham biasa ke atas jumlah bilangan saham biasa yang ditaja jamin sebagaimana dinyatakan masing-masing dalam Seksyen 6.2 dan 6.5.
- (ii) Pembrokeran akan dibayar oleh Syarikat pada kadar 1.0% daripada harga Terbitan Awam RM1.70 setiap saham biasa kepada pihak-pihak dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan dalam Seksyen 6.5 Prospektus ini.
- (iii) Perbelanjaan sampingan kepada penyenaian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan pada Papan Kedua BSKL berjumlah lebih kurang RM1,500,000 akan ditanggung oleh Syarikat. Syarikat juga akan menanggung pembrokeran dan komisyen taja jamin berhubung dengan Saham Terbitan Awam sebanyak RM264,350.
- (h) Kecuali bagi perkara (g) di atas, tidak ada komisyen, diskaun, pembrokeran atau terma-terma khas lain telah dibayar atau perlu dibayar oleh Syarikat atau anak-anak syarikatnya dalam masa dua (2) tahun sebelumnya berhubung dengan terbitan atau jualan mana-mana modal syarikat atau mana-mana daripada anak syarikatnya dan tidak ada Pengarah atau Pengarah dicadangkan atau penganjur atau pakar berhak untuk menerima apa-apa bayaran sedemikian.
- (i) Tidak ada jumlah atau faedah telah dibayar atau diberi dalam masa dua (2) tahun sebelum dari tarikh Prospektus ini tidak juga ia dihasratkan untuk dibayar atau diberi, kepada mana-mana penganjur, melainkan bagi mana-mana imbulian yang diterima dalam pekerjaan.
- (j) Syarikat belum lagi menubuhkan tempat perniagaan di luar Malaysia.
- (k) Kecuali sebagaimana dalam proforma ramalan dan andaian keuntungan disatukan Syarikat dan anak-anak syarikat dan Seksyen 4 Prospektus ini, para Pengarah tidak menyedari akan apa-apa maklumat material termasuk faktor-faktor perdagangan atau risiko yang tidak berkemungkinan diketahui atau dijangka oleh orang awam dan yang mungkin secara material menjejaskan keuntungan Syarikat dan anak-anak syarikatnya.
- (l) Kecuali sebagaimana dalam Seksyen 4, 8 dan 9 Prospektus ini, Keadaan kewangan dan operasi Syarikat dan anak-anak syarikatnya tidak terjejas oleh mana-mana daripada yang berikut:
 - (i) arah aliran atau permintaan yang diketahui, komitmen, kejadian atau ketidakpastian yang akan menyebabkan atau secara munasabahnya boleh menyebabkan kecairan dalam Syarikat atau Kumpulan bertambah atau berkurangan dalam apa-apa cara yang material;
 - (ii) komitmen modal bagi perbelanjaan modal;
 - (iii) kejadian atau urusanniaga atau perubahan ekonomi luar biasa atau jarang-jarang berlaku yang secara material menjejaskan jumlah pendapatan dilaporkan daripada operasi;
 - (iv) arah aliran atau ketidakpastian yang diketahui yang telah atau yang mana Syarikat secara munasabah menjangkakan akan mempunyai kesan material menguntungkan atau merugikan ke atas perolehan atau pendapatan operasi

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (*Samb*)

- (m) Semasa tahun kewangan yang lepas dan tahun kewangan semasa, tidak terdapat:
 - (i) tawaran pengambilalihan awam oleh pihak ketiga berhubung dengan saham-saham Syarikat; dan
 - (ii) tawaran pengambilalihan awam oleh Syarikat berhubung dengan saham-saham Syarikat lain.
- (n) Kecuali sebagaimana dalam Seksyen 14.5 (1), tidak ada harta yang telah dibeli atau dicadang untuk dibeli oleh Syarikat atau anak-anak syarikatnya dalam menimbangkan Terbitan Awam
- (o) Tidak ada hasrat pada masa ini di pihak para Pengarah Syarikat untuk menerbitkan mana-mana bahagian daripada modal saham Syarikat yang dibenarkan tetapi tidak diterbitkan, melainkan bagi saham Terbitan Awam.

14.5 Kontrak Material

Melainkan sebagaimana dinyatakan di bawah, tidak ada kontrak yang adalah atau mungkin material (bukan merupakan kontrak-kontrak dalam perjalanan biasa perniagaan) yang telah dimasuki oleh Kumpulan dalam masa dua (2) tahun sebelum tarikh Prospektus ini:

- (a) Perjanjian Pertukaran Saham bertarikh 27 Oktober 1998 di antara Analabs dan pemegang-pemegang saham TAL, iaitu, Kan Yow Kheong, Lim Yoke Soo, Wong Chew Har dan Tan Cheah Boo bagi pengambilalihan 50,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili keseluruhan modal saham TAL diterbitkan dan membayar bagi balasan pembelian sebanyak RM1,208,859 yang telah dijelaskan melalui terbitan 641,645 saham biasa baru dalam Analabs bernilai RM1.00 sesaham pada harga RM1.884 setiap saham;
- (b) Perjanjian Pertukaran Saham bertarikh 27 Oktober 1998 di antara Analabs dan pemegang-pemegang saham Inagro, iaitu, Kan Yow Kheong, Wong Eat Too, Yuen Choong Lai, Koay Kang Chuwan, Lian Gee Meng, Dato' Ong Kim Hoay, Goh Chee Huat and Absolute Riverside Sdn Bhd bagi pengambilalihan 700,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili 70% daripada modal saham Inagro yang diterbitkan dan membayar bagi balasan pembelian sebanyak RM7,227,676 yang telah dijelaskan melalui terbitan 3,836,346 saham biasa baru dalam Analabs bernilai RM1.00 sesaham pada harga RM1.884 setiap saham;
- (c) Perjanjian Penjualan Saham bertarikh 27 Oktober 1998 di antara Analabs dan pemegang-pemegang saham Inagro, iaitu, Kang Sek Lang @ Kang Gaik Lang, Heng Aik Peng @ Wang Ten Aun dan Yong Chee Hou bagi pengambilalihan 300,000 saham biasa bernilai RM1.00 mewakili 30% daripada modal saham Inagro yang diterbitkan dan membayar bagi balasan pembelian sebanyak RM3,097,576 yang telah dijelaskan secara tunai;
- (d) Perjanjian Pertukaran Saham bertarikh 27 Oktober 1998 di antara Analabs dan pemegang-pemegang saham KLC, iaitu, Kan Yow Kheong, Wong Chew Har dan Mohammad. Nadzri bin Jamaluddin bagi pembelian 300,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili keseluruhan modal saham KLC yang diterbitkan dan membayar bagi balasan pembelian sebanyak RM7,724,805 yang telah dijelaskan melalui terbitan 4,100,215 saham biasa baru dalam Analabs bernilai RM1.00 sesaham berharga RM1.884 setiap saham;

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (Samb)

- (e) Perjanjian Pertukaran Saham bertarikh 27 Oktober 1998 di antara Analabs dan pemegang-pemegang saham RCSB, iaitu, Kan Yow Kheong, Lim Yoke Soo, Wong Chew Har dan Mohammad Nadzri bin Jamaluddin bagi pengambilalihan 4,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili keseluruhan modal saham RCSB yang diterbitkan dan berbayar bagi balasan pembelian sebanyak RM5,017,374 yang telah dijelaskan melalui terbitan 2,663,160 saham biasa baru dalam Analabs bernilai RM1.00 sesaham pada RM1.884 setiap saham;
- (f) Perjanjian Pertukaran Saham bertarikh 27 Oktober 1998 di antara Analabs dan pemegang saham QSP, iaitu, Kan Yow Kheong bagi pengambilalihan 60,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili 60% daripada modal saham QSP yang diterbitkan dan berbayar bagi pembalasan pembelian sebanyak RM210,544 yang telah dijelaskan melalui terbitan 111,754 saham biasa baru dalam Analabs bernilai RM1.00 sesaham pada RM1.884 setiap saham;
- (g) Perjanjian Penjualan Saham bertarikh 27 Oktober 1998 di antara TAL dan pemegang-pemegang saham Masmeru bagi pengambilalihan 25,000 saham biasa bernilai RM1.00 mewakili 50% daripada modal saham Masmeru yang diterbitkan dan berbayar bagi balasan pembelian sebanyak RM28,503 yang telah dijelaskan secara tunai;
- (h) Perjanjian Penjualan Saham bertarikh 27 Oktober 1998 di antara TAL pemegang-pemegang saham ER bagi pengambilalihan 1,550 saham biasa bernilai RM1.00 mewakili 49.99% daripada modal saham ER yang diterbitkan dan berbayar bagi balasan pembelian sebanyak RM187,379 yang telah dijelaskan secara tunai;
- (i) Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Pertukaran Saham ("RCSB") bertarikh 18 November 1999 di antara Analabs dan pemegang-pemegang saham RCSB iaitu, Kan Yow Kheong, Lim Yoke Soo, Wong Chew Har dan Mohamad Nadzri bin Jamaluddin selaras dengan yang mana pihak-pihak telah bersetuju kepada lima belas (15) bulan tempoh lanjutan dari tarikh penyempurnaan Perjanjian Pertukaran Saham bertarikh 27 Oktober 1999 untuk menunaikan atau mengusahakan Syarat-syarat Dulu (seperti ditafsirkan dalam Perjanjian Pertukaran Saham tersebut); dan
- (j) Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Pertukaran Saham (TAL) bertarikh 18 November 1999 di antara Analabs dan pemegang-pemegang saham TAL iaitu, Kan Yow Kheong, Lim Yoke Soo, Wong Chew Har dan Tan Cheah Boon selaras dengan yang mana pihak-pihak telah bersetuju kepada lima belas (15) bulan tempoh lanjutan dari tarikh penyempurnaan Perjanjian Pertukaran Saham bertarikh 27 Oktober 1999 untuk menunaikan atau mengusahakan Syarat-syarat Dulu (seperti ditafsirkan dalam Perjanjian Pertukaran Saham tersebut).
- (k) Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Pertukaran Saham ("RCSB") bertarikh 18 November 1999 di antara Analabs dan pemegang-pemegang saham KLC iaitu, Kan Yow Kheong, Lim Yoke Soo dan Mohamad Nadzri bin Jamaluddin selaras dengan yang mana pihak-pihak telah bersetuju kepada lima belas (15) bulan tempoh lanjutan dari tarikh penyempurnaan Perjanjian Pertukaran Saham bertarikh 27 Oktober 1999 untuk menunaikan atau mengusahakan Syarat-syarat Dulu (seperti ditafsirkan dalam Perjanjian Pertukaran Saham tersebut); dan
- (l) Perjanjian Penjualan Saham untuk M-Field bertarikh 4 Mei 1999 di antara CWTP dan pemegang-pemegang saham M-Field iaitu Eastnet Resources Sdn Bhd dan PG Corporate Services Sdn Bhd bagi pengambilalihan 9,000 saham biasa bernilai RM1.00 mewakili semua modal saham Masmeru yang diterbitkan dan berbayar bagi balasan pembelian sebanyak RM2,500,000; dan

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM *(Samb)*

- (m) Perjanjian Taja Jamin bertarikh 23 Disember 1999, di antara Analabs dan Penaja Jamin untuk penajaan jamin sehingga 5,255,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap saham biasa baru untuk Terbitan Awam dan mana-mana saham yang tidak dibeli oleh para Pengarah dan juga kakitangan pekerja Kumpulan Analabs yang berkelayakan bagi komisen taja jamin sebanyak 1.50% pada harga terbitan RM1.70 setiap saham biasa.
- (n) Perjanjian Tambahan bertarikh 20 Mac 2000 kepada Perjanjian Taja Jamin bertarikh 23 Disember 1999, diantara Analabs dan Penaja Jamin untuk perubahan kepada penajaan jamin sehingga 5,549,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap saham biasa baru untuk Terbitan Awam dan mana-mana saham yang tidak dibeli oleh para Pengarah dan juga kakitangan pekerja Kumpulan Analabs yang berkelayakan bagi komisen taja jamin sebanyak 1.50% pada harga terbitan RM1.70 setiap saham biasa berikutan kepada pindaan yang telah diluluskan oleh SC untuk peruntukan kepada para Pengarah dan juga pekerja Kumpulan Analabs yang berkelayakan.

14.6 Litigasi Material

Kecuali sebagaimana adinyatakan di bawah, Analabs pada masa ini tidak terlibat dalam apa-apa litigasi sama ada sebagai plaintif atau defendan yang mempunyai kesan material ke atas keadaan kewangan Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya dan para Pengarah tidak mengetahui tentang apa-apa prosiding yang belum diselesaikan atau diancam atau apa-apa fakta yang mungkin membawa kepada apa-apa prosiding atau yang mungkin secara material menjejaskan kedudukan atau perniagaan Analabs dan anak-anak syarikatnya:

- (a) CWTP sebagai plaintif-plaintif memulakan guaman melalui Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Guaman No. S1-22-87-1997 terhadap peguamcara mereka pada masa itu, Francis Goh Yun Hung dan Ching Choon @ Chin Tee Fut (Beramal di bawah nama dan gaya Chin dan Rakan-Rakan) kerana kecuaiannya dalam menguruskan prosiding timbang tara yang melibatkan Tai Thung Construction Sdn. Bhd dalam mana CWTO menuntut jumlah award timbang tara, jumlah tuntutan balas yang telah dibuang dan kos timbang tara yang kesemuanya berjumlah RM1,000,161.18, faedah dan kos bagi pelbagai prosiding. Yang sama juga ditetapkan sekarang untuk perbicaraan pada 10 Mei 2000 dan 11 Mei 2000.

14.7 Kebenaran

- (a) Kebenaran bertulis Penasihat dan Pengurus Penaja Jamin, Penaja-penaja Jamin, Juruaudit dan Akauntan Melapor, Setiausaha Syarikat, Jurubank Utama, Peguamcara, Pendaftar, Rumah Terbitan dan Pendaftar kepada kemasukan dalam Prospektus ini akan nama-nama mereka dalam cara dan bentuk dalam nama mana tersebut kelihatan telah diberikan sebelum Prospektus ini dikeluarkan dan selepas itu telah tidak ditarik balik.
- (b) Kebenaran bertulis Juruaudit Syarikat dan Akauntan Melapor kepada kemasukan dalam Prospektus ini akan Laporan Akauntan mereka dan surat-surat mereka berhubung dengan Ramalan Keuntungan Disatukan bagi tahun kewangan akan berakhir 30 April 2000 dan 2001 dan Proforma Kunci Kira-kira Disatukan pada 30 April 1999 dalam cara dan bentuk dalam mana ia kelihatan telah diberi sebelum Prospektus ini dikeluarkan dan selepas itu telah tidak ditarik balik.
- (c) Kebenaran bertulis Jurunilai kepada kemasukan dalam Prospektus ini akan nama dan sijil penilaian mereka dalam bentuk dan konteks dalam mana ia terkandung dalam Prospektus ini telah diberi sebelum Prospektus ini dikeluarkan dan selepas itu telah tidak ditarik balik.

14. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (*Samb*)

14.8 Dokumen Untuk Pemeriksaan


Salinan-salinan dokumen-dokumen berikut boleh diperiksa di pejabat berdaftar Syarikat pada waktu biasa perniagaan bagi tempoh enam (6) bulan dari tarikh Prospektus ini:-

- (a) Memorandum dan Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan anak-anak syarikatnya;
- (b) Laporan Pengarah dan laporan Akauntan seperti dimasukkan dalam Prospektus ini;
- (c) Surat-surat Akauntan Melapor berhubung dengan Anggaran dan Ramalan Keuntungan Disatukan dan Proforma Kunci Kira-kira Disatukan Syarikat seperti dimasukkan dalam Prospektus ini;
- (d) Akaun-akaun teraudit Analabs dan anak-anak syarikatnya bagi lima (5) tahun/tempoh yang lepas berakhir 30 April 1999, di mana terpakai dan keputusan teraudit bagi tempoh lima (5) bulan berakhir 30 September 1999;
- (e) Surat-surat kebenaran yang dirujuk di bawah Seksyen 14.7 di atas;
- (f) Kontrak-kontrak material yang dirujuk dalam Seksyen 14.5 di atas; dan
- (g) Laporan Penilaian dan Sijil Penilaian berhubung dengan harta-harta Kumpulan Analabs.

14.9 Tanggungjawab

- (a) Aseambankers mengakui bahawa setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaiknya, Prospektus ini mengandungi pendedahan sepenuhnya dan sebenarnya akan semua fakta material mengenai Terbitan Awam dan Analabs, dan berpuas hati bahawa Anggaran dan Ramalan Keuntungan Disatukan bagi tahun akan berakhir 30 April 2000 dan 2001 (yang mana para Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya) telah dinyatakan oleh para Pengarah Syarikat selepas pertanyaan rapi dan berhati-hati.
- (b) Prospektus ini telah dilihat dan diluluskan oleh para Pengarah Syarikat dan mereka secara individu dan bersama-sama menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi ketepatan maklumat yang diberikan dan mengesahkan bahawa selepas membuat semua pertanyaan munasabah dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, tidak terdapat fakta-fakta lain yang peninggalannya akan membuat apa-apa kenyataan dalam Prospektus ini mengelirukan

Perkembangan Teknologi Pemurnian Emas



ANALABS RESOURCES BERHAD (817154)
 13, 15 & 17, Kawasan Perindustrian Teras,
 50150 Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur
 Tel: 03-2110211-20223 Fax: 03-2110261